



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH SELURUH NEGERI SABAH
SELARAS DENGAN SAMBUNGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT
("PKPB") HINGGA 9 NOVEMBER 2020**

Selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 25 Oktober 2020 mengenai arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ("PKPB") di Negeri Sabah, adalah dimaklumkan bahawa **Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 17 Mac 2020 dan **Pemakluman Pendengaran Kes Secara Dalam Talian Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahun 2020** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 26 Mac 2020 dan 24 April 2020 adalah terpakai untuk Mahkamah-Mahkamah seluruh Negeri Sabah berkuat kuasa hingga 9 November 2020. Pemakaian Panduan ini perlu diubah suai dengan mengambil kira keperluan Mahkamah-Mahkamah di dalam Negeri Sabah.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi Pendaftar Mahkamah seperti berikut:

- (i) **Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak**
Nama: Puan Amelati Anak Parnell
E-mel: amelati@kehakiman.gov.my
Telefon: 082-311373

- (ii) **Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak**
Nama: Tuan Jason Juga
E-mel: jason@kehakiman.gov.my
No. Telefon: 082-442228

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 26 Oktober 2020